



26 Ogos 2011
26 August 2011
P.U. (A) 309

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL
DAN PEMBERSIHAN AWAM (PENGKOMPAUNAN
KESALAHAN) 2011

*SOLID WASTE AND PUBLIC CLEANSING MANAGEMENT
(COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007

**PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2011**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Kesalahan boleh kompaun
3. Tawaran dan penyetujuterimaan kompaun
4. Cara mengkompaun
5. Pembayaran kompaun

JADUAL

AKTA PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM 2007

PERATURAN-PERATURAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 108 Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pengkompaunan Kesalahan) 2011.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2011.

Kesalahan yang boleh dikompaun

2. Kesalahan yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:

(a) kesalahan di bawah subseksyen 20(2), 74(2), 75(5), 101(2) dan 102(3) Akta;

(b) kesalahan di bawah subperaturan 6(3), 7(2), 8(2), 9(2), 10(4), 11(3), 12(2), 13(2), 15(2), 16(2), 17(2), 21(4), 21(8), 22(3), 23(2), 24(2), 28(5), 29(4), 30(4) dan 31(4) Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim bagi Sisa Pepejal Isi Rumah dan Sisa Pepejal yang Serupa dengan Sisa Pepejal Isi Rumah) 2011;

(c) kesalahan di bawah subperaturan 11(4) Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pemungutan bagi Sisa Pepejal Isi Rumah, Sisa Pepejal Awam, Sisa Pepejal Keinstitusian Awam dan Sisa Pepejal yang Serupa dengan Sisa Pepejal Isi Rumah) 2011;

- (d) kesalahan di bawah subperaturan 10(5) Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengurusan atau Pengendalian Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal yang Ditetapkan) 2011; dan
- (e) kesalahan di bawah subperaturan 10(4) Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pengangkutan oleh Pengangkutan Jauh) 2011.

Tawaran dan penyetujuterimaan kompaun

3. (1) Sesuatu tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan hendaklah dibuat dalam Borang 1 Jadual.

(2) Seseorang yang menyetuju terima tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah mengemukakan bayaran bagi kompaun itu dalam Borang 2 Jadual.

Cara mengkompaun

4. (1) Setelah suatu penyiasatan dijalankan dan didapati bahawa suatu kesalahan yang boleh dikompaun telah dilakukan, Ketua Pengarah boleh mengeluarkan suatu Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dalam Borang 1 Jadual.

(2) Tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan adalah bagi tempoh empat belas hari, dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh empat belas hari itu, tiada prosiding selanjutnya akan diambil terhadap orang yang telah melakukan kesalahan itu.

(3) Jika tiada pembayaran bagi kompaun yang telah ditawarkan itu dibuat pada atau sebelum habis tempoh masa yang dinyatakan dalam subperaturan (2), pendakwaan boleh dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Pembayaran kompaun

5. (1) Apabila suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan dibuat dan disetuju terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia hendaklah membuat pembayaran bagi kompaun secara tunai atau, melalui kiriman wang, kiriman wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

(2) Pembayaran kompaun hendaklah diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar ke alamat yang dinyatakan dalam Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

(3) Tiap-tiap pembayaran kompaun yang diterima hendaklah dianggap sebagai wang kepunyaan Ketua Pengarah Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

(4) Suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan bagi tiap-tiap pembayaran yang diterima di bawah subperaturan (1) kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu telah dibuat.